



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA JANUARI 2025

Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat kepada 2.1 peratus, dipacu pertumbuhan output sektor Pembuatan

PUTRAJAYA, 12 Mac 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat kepada 2.1 peratus, dipacu pertumbuhan output sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Januari 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Peningkatan IPP terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan yang meningkat pada kadar yang lebih perlahan 3.7 peratus (Disember 2024: 5.8%). Sebaliknya, pengeluaran sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing merekodkan penurunan iaitu 3.1 peratus (Disember 2024: 0.9%) dan 0.1 peratus (Disember 2024: 3.5%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP masih menguncup pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya iaitu negatif 0.4 peratus.

Peningkatan dalam pengeluaran sektor Pembuatan pada Januari 2025 disokong oleh pengeluaran dari industri berorientasikan eksport, yang tumbuh perlahan kepada 5.6 peratus berbanding 6.8 peratus yang direkodkan pada Disember 2024. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal yang mencatatkan peningkatan 7.9 peratus; diikuti oleh Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan (8.9%).

Tambahan lagi, Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis turut menyumbang pada kadar pada 3.4 peratus. Dari segi perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport masih berada dalam jajaran negatif dengan penurunan pada kadar 0.9 peratus berbanding penurunan 2.4 peratus pada Disember 2024.

Industri berorientasikan domestik meningkat dengan kadar 0.2 peratus pada Januari 2025 berbanding 3.7 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh industri Pembuatan produk prosesan makanan (7.0%); dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (4.8%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik meningkat 1.3 peratus selepas merekodkan pertumbuhan 0.4 peratus pada Disember 2024.”

Mengulas mengenai prestasi sektor Perlombongan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Penguncupan 3.1 peratus dalam sektor Perlombongan pada Januari 2025 adalah didorong oleh penurunan dua digit 10.0 peratus dalam output Petroleum Mentah & Kondensat (Disember 2024: -6.5%) manakala pengeluaran Gas Asli mengekalkan pertumbuhan stabil 1.4 peratus (Disember 2024: 5.9%). Berbanding Disember 2024, indeks Perlombongan merosot kepada negatif 0.5 peratus berbanding 4.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”


Sementara itu, indeks Elektrik merosot pada kadar 0.1 peratus pada Januari 2025 berbanding peningkatan 3.5 peratus pada bulan lalu. Secara perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik menurun 1.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 1.0 peratus pada Disember 2024.

Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara lain menunjukkan trend peningkatan pada Januari 2025, termasuk Jepun (2.6%), Thailand (-0.9%), Singapura (9.1%) dan Amerika Syarikat (2.0%). Tambahan lagi, Vietnam dan Taiwan menunjukkan peningkatan sederhana iaitu 7.2 peratus dan 5.3 peratus manakala Korea Selatan mengalami penguncupan pada Januari 2025 iaitu 4.1 peratus.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Januari 2024 – Januari 2025




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Januari 2024 - Januari 2025**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Disember 2023 dan Januari 2025**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Januari 2024 - Januari 2025



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2024 dan Januari 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2024 dan Januari 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 MAC 2025



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA JANUARY 2025

Malaysia's Industrial Production Index increased to 2.1 percent, led by growth in Manufacturing sector output

PUTRAJAYA, March 12, 2025 – Malaysia's Industrial Production Index increased to 2.1 percent, led by growth in Manufacturing sector output. The Department of Statistics Malaysia today released its Industrial Production Index (IPI), Malaysia, January 2025 publication. This publication presents the IPI statistics comprising three sectors, namely Mining, Manufacturing, and Electricity.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “ The increase in IPP was mainly contributed by output growth in the Manufacturing sector which increased at a slower rate of 3.7 per cent (December 2024: 5.8%). Conversely, the Mining and Electricity sector production recorded decrease of 3.1 per cent (December 2024: 0.9%) and 0.1 per cent (December 2024: 3.5%), respectively. In terms of month-on-month comparison, IPP still contracted at the same rate as the previous month, which was negative 0.4 percent.”

“The increase in Manufacturing sector production in January 2025 was supported by output from export-oriented industries, which grew at a slower pace of 5.6 per cent compared to the 6.8 per cent recorded in December 2024. This growth was mainly supported by growth in the Manufacture of computers, electronic and optical products, which recorded an increase of 7.9 per cent; followed by the Manufacture of vegetable and animal oils and fats (8.9%). Additionally, the Manufacture of coke and refined petroleum products also contributed at a rate of 3.4 per cent. Month-on-month comparison showed the export-oriented industries remained in negative territory with

a slight decrease at a rate of 0.9 per cent compared to a 2.4 per cent decrease in December 2024.”

“Domestic-oriented industries increased at a rate of 0.2 per cent in January 2025, compared to 3.7 per cent recorded in the previous month. This increase was contributed by the Manufacture of processed food products industry (7.0%); and the Manufacture of fabricated metal products, except machinery and equipment (4.8%). Month-on-month comparison showed that domestic-oriented industries increased by 1.3 per cent after recording a slight growth of 0.4 per cent in December 2024.”

Commenting on the performance of the Mining sector, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The 3.1 per cent contraction in the Mining sector in January 2025 was driven by a double-digit decrease of 10.0 per cent in Crude Petroleum & Condensate output (December 2024: -6.5%), while Natural Gas production maintained stable growth of 1.4 per cent (December 2024: 5.9%). Compared to December 2024, the Mining index contracted to negative 0.5 per cent from the 4.0 per cent recorded in the previous month.”


“Meanwhile, the Electricity index declined at a rate of 0.1 per cent in January 2025, compared to a 3.5 per cent increase in the previous month. Month-on-month comparison showed that the Electricity index decreased by 1.9 per cent after recording a 1.0 per cent growth in December 2024.”

“Globally, the IPI for several other countries showed an increasing trend in January 2025, including Japan (2.6%), Thailand (-0.9%), Singapore (9.1%), and the United States of America (2.0%). Additionally, Vietnam and Taiwan showed moderate increases of 7.2 percent and 5.3 per cent, while South Korea experienced a contraction in January 2025 of 4.1 per cent.”


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
January 2024 – January 2025**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
January 2024 – January 2025**



**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
December 2024 and January 2025**




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, January 2024 – January 2025






Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, December 2024 and January 2025



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
December 2024 and January 2025**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 MARCH 2025**